



SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG PENANG PORT COMMISSION

TARIKH: 18 Disember 2023

KEPADA: OPERATOR PELABUHAN, PEMILIK KAPAL, EJEN PERKAPALAN, EJEN PENGHANTARAN DAN SELURUH KOMUNITI PELABUHAN PULAU PINANG

PEKELILING PELABUHAN NO.5/2023

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PERKHIDMATAN SAMPINGAN DI PELABUHAN PULAU PINANG

1. SKOP

- 1.1. Permohonan lesen ini terpakai kepada mana-mana syarikat yang hendak menjalankan perkhidmatan sampingan di Pelabuhan Pulau Pinang.
- 1.2. Berikut adalah jenis-jenis aktiviti perkhidmatan sampingan yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang:
 - i. **Pembekalan Keperluan Kapal (*Supply of Ship Chandling*)**
Perkhidmatan pembekalan barangan keperluan harian krew kapal (makanan, *toiletries* dan sebagainya) bagi kapal-kapal di Pelabuhan Pulau Pinang.
 - ii. **Pembekalan Keperluan Kapal (*Hardware and Refrigerant*)**
Perkhidmatan pembekalan yang melibatkan alat-alat ganti kapal, kelengkapan keselamatan dan yang setara dengannya bagi kapal-kapal di Pelabuhan Pulau Pinang.
 - iii. **Pembekalan Minyak Pelincir Kapal (*Supply of Lubricant Oil for Vessel*)**
Perkhidmatan pembekalan keperluan minyak pelincir enjin bagi kapal – kapal di Pelabuhan Pulau Pinang.
 - iv. **Pembekalan Minyak Bunker Kapal (*Supply of Bunker for Vessel*)**
Pembekalan keperluan minyak bahan bakar (*bunker*) bagi kapal-kapal di Pelabuhan Pulau Pinang.
 - v. **Pembersihan Tumpahan Dagangan Berbahaya (*Dangerous Goods Spillage Cleaning*)**
Perkhidmatan membersihkan tumpahan dagangan berbahaya yang dikelaskan mengikut Kod International Maritime Dangerous Goods (IMDG) dan Undang-Undang Kecil SPPP.

2. TATACARA PERMOHONAN

- 2.1. Permohonan baru atau permohonan pembaharuan lesen perkhidmatan sampingan ini hendaklah menggunakan Borang Permohonan Lesen Perkhidmatan Sampingan di Pelabuhan Pulau Pinang seperti di **Lampiran A** yang boleh dimuat turun di laman sesawang www.penangport.gov.my
- 2.2. Borang permohonan yang lengkap diisi perlu disertakan bersama **dokumen-dokumen sokongan** seperti tertera di **Lampiran B**.
- 2.3. Carta Alir prosidur lengkap permohonan Lesen Perkhidmatan Sampingan di Pelabuhan Pulau Pinang boleh dirujuk di **Lampiran C**.
- 2.4. Permohonan yang lengkap boleh dihantar terus melalui emel / serahan tangan kepada Pegawai SPPP yang berkenaan mengikut jenis lesen perkhidmatan sampingan yang ingin dipohon seperti berikut:

BIL	JENIS LESEN PERKHIDMATAN SAMPINGAN	PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI
1.	Pembekalan Keperluan Kapal (<i>Supply of Ship Chandling</i>)	Nama Pegawai : En. Muhamad Syafiq No Telefon : +6014-6071791 Alamat Emel : syafiq@penangport.gov.my
2.	Pembekalan Keperluan Kapal (<i>Hardware and Refrigerant</i>)	Nama Pegawai : En. Mohamad Khairul Anuar No Telefon : +604 - 323 8532 ext 209 Alamat Emel : khairul@penangport.gov.my
3.	Pembekalan Minyak Pelincir Kapal (<i>Supply Of Lubricant Oil For Vessel</i>)	Nama Pegawai : En. Muhamad Fitrey No Telefon : +6014-5158306 Alamat Emel : fitrey@penangport.gov.my
4.	Pembekalan Minyak Bunker Kapal (<i>Supply Of Bunker For Vessel</i>)	Nama Pegawai : En. Mohd Nizam No Telefon : 604 - 323 8532 ext 207 Alamat Emel : nizam@penangport.gov.my
5.	Pembersihan Tumpahan Dagangan Berbahaya (<i>Dangerous Goods Spillage Cleaning</i>)	

- 2.5. Syarikat yang berminat dibenarkan untuk memohon beberapa jenis perkhidmatan sampingan yang ingin dilaksanakan tertakluk kepada syarikat memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan SPPP.
- 2.6. Hanya permohonan yang lengkap akan diproses dan keputusan akan dimaklumkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja daripada tarikh kelulusan oleh Pegawai yang diberi kuasa dan tertakluk kepada caj pembayaran telah dijelaskan oleh pemohon.
- 2.7. Tempoh sahlaku lesen adalah bermula daripada tarikh kelulusan Pegawai yang diberi kuasa sehingga 31 Disember pada setiap tahun.
- 2.8. Permohonan lesen baru/pembaharuan perlu dibuat sebelum atau selewat-lewatnya pada 30 September pada setiap tahun.

- 2.9. Caj pembayaran yang akan dikenakan kepada setiap jenis perkhidmatan sampingan yang dibenarkan bagi setiap permohonan lesen baru atau pembaharuan adalah seperti jadual berikut:

BIL	JENIS LESEN PERKHIDMATAN SAMPINGAN	KADAR CAJ LESEN
1.	Pembekalan Keperluan Kapal (<i>Supply of Ship Chandling</i>)	RM 1000.00
2.	Pembekalan Keperluan Kapal (<i>Hardware and Refrigerant</i>)	RM 1000.00
3.	Pembekalan Minyak Pelincir Kapal (<i>Supply Of Lubricant Oil For Vessel</i>)	RM 1000.00
4.	Pembekalan Minyak Bunker Kapal (<i>Supply Of Bunker For Vessel</i>)	RM 5000.00
5.	Pembersihan Tumpahan Dagangan Berbahaya (<i>Dangerous Goods Spillage Cleaning</i>)	RM 1000.00

3. TERMA DAN SYARAT LESEN

- 3.1. Kelulusan untuk menjalankan aktiviti yang dilesenkan adalah tertakluk kepada terma dan syarat seperti di **Lampiran D.**



SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

Penang Port Commission

Aras 2, Swettenham Pier Cruise Terminal
No. 1A, Pesara King Edward
10300 George Town
PULAU PINANG, MALAYSIA.

Telefon : +604 - 263 3211
Faks : +604 - 262 6211
Laman Sesawang : www.penangport.gov.my

PERMOHONAN LESEN PERKHIDMATAN SAMPINGAN DI PELABUHAN PULAU PINANG

JENIS PERMOHONAN : BARU PEMBAHARUAN

JENIS PERKHIDMATAN : Pembekalan Keperluan Kapal (*Supply of Ship Chandling*)
 Pembekalan Keperluan Kapal (*Hardware and Refrigerant*)
 Pembekalan Minyak Pelincir Kapal (*Supply of Lubricant Oil for Vessel*)
 Pembekalan Minyak Bunker Kapal (*Supply of Bunker for Vessel*)
 Pembersihan Tumpahan Dagangan Berbahaya (*Dangerous Goods Spillage Cleaning*)

MAKLUMAT PEMOHON

NAMA SYARIKAT :

ALAMAT BERDAFTAR :

NAMA WAKIL SYARIKAT :

NO.TEL SYARIKAT & WAKIL:

EMEL SYARIKAT & WAKIL :

SENARAI SEMAK DOKUMEN SOKONGAN PERMOHONAN

Syarikat yang memohon diminta untuk mengisi Borang Permohonan dan menyediakan dokumen sokongan lengkap seperti dinyatakan di **Lampiran B**.

PERAKUAN PEMOHON

Bahawasanya saya selaku bagi pihak Syarikat mengakui bahawa segala maklumat yang dinyatakan dalam borang ini dan kesemua dokumen sokongan yang dikemukakan adalah benar dan terkini. Saya dengan ini bersetuju dan akan mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang serta undang-undang Kerajaan Malaysia yang berkuatkuasa.

Tarikh :
.....
(Tandatangan)
Nama :
Cop Syarikat :

PENGESAHAN BAHAGIAN OPERASI DAN KAWALSELIA

Dengan ini dimaklumkan bahawa permohonan yang dimajukan * **lengkap dan memenuhi syarat/ tidak lengkap.**

ULASAN :

[Empty rectangular box for comments]

Tarikh :
.....
Tandatangan Pegawai

*(POTONG * mana-mana yang berkenaan)*

KELULUSAN PENGURUS BESAR

Permohonan ini adalah ***diluluskan / tidak diluluskan.**

ULASAN :

[Empty rectangular box for comments]

Tarikh :
.....
Pengurus Besar SPPP

*(POTONG * mana-mana yang berkenaan)*

Lampiran B

SENARAI DOKUMEN SOKONGAN UMUM PERMOHONAN LESEN PERKHIDMATAN SAMPINGAN DI PELABUHAN PULAU PINANG

BIL	PERKARA	DOKUMEN SOKONGAN
1.	Semua permohonan lesen tanpa mengira jenis perkhidmatan samada permohonan baru ataupun pembaharuan.	<ul style="list-style-type: none">i. Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM);ii. Profil syarikat;iii. Standard operating procedure (SOP)/ Modus operandi syarikat bagi aktiviti perkhidmatan yang dipohon;iv. Senarai jentera/ kenderaan bermotor/ kapal yang terlibat;v. Senarai kakitangan/ pekerja yang terlibat (digalakkan pengambilan pekerja tempatan@ warganegara sahaja);vi. Apa-apa dokumen lain yang membuktikan keupayaan syarikat dalam mengendalikan jenis perkhidmatan yang dipohon.


SENARAI DOKUMEN SOKONGAN KHUSUS PERMOHONAN LESEN PERKHIDMATAN SAMPINGAN DI PELABUHAN PULAU PINANG (MENGIKUT PERKHIDMATAN)

BIL	PERKARA	DOKUMEN SOKONGAN
1.	Pembekalan Keperluan Kapal (<i>Supply of Ship Chandling</i>)	<ul style="list-style-type: none">i. Surat Perlantikan daripada Syarikat Perkapalan
2.	Pembekalan Keperluan Kapal (<i>Hardware and Refrigerant</i>)	<ul style="list-style-type: none">i. Surat Perlantikan daripada Syarikat Perkapalan (Surat 1)
3.	Pembekalan Minyak Pelincir Kapal (<i>Supply Of Lubricant Oil For Vessel</i>)	<ul style="list-style-type: none">i. Permit PDA4 dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Kos Sara Hidup (KPDNKSH) - Memasar dan mengedar.ii. Surat Perlantikan daripada Syarikat Perkapalan
4.	Pembekalan Minyak Bunker Kapal (<i>Supply Of Bunker For Vessel</i>)	<ul style="list-style-type: none">i. Lesen PDA2 - Menjalankan perkhidmatan bunkering dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Kos Sara Hidup (KPDN)ii. Salinan Surat Sokongan dari syarikat minyakiii. Salinan Insurans P&I Kapal Tanker/ barge /Cover Note Road Tanker

		iv. Surat Perlantikan daripada Syarikat Perkapalan
5.	Pembersihan Tumpahan Dagangan Berbahaya (<i>Dangerous Goods Spillage Cleaning</i>)	<ul style="list-style-type: none"> i. Sijil IMDG yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut ii. Rekod pengendalian dagangan berbahaya yang pernah dijalankan iii. Surat Berdaftar Dengan Kualiti Alam atau Syarikat Yang Diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar iv. Surat Perlantikan daripada Syarikat Perkapalan

Lampiran C

CARTA ALIR PROSIDUR PERMOHONAN LESEN PERKHIDMATAN SAMPIANGAN DI PELABUHAN PULAU PINANG



TERMA DAN SYARAT

- I. Tiada sebarang perkhidmatan sampingan pelabuhan seperti di Para 1.2 dibenarkan untuk dilaksanakan dalam Pelabuhan Pulau Pinang tanpa lesen yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya dan masih dalam tempoh sahlaku;
- II. Pengisytiharan/ pengemukaan data berkaitan perkhidmatan yang dijalankan perlu dimaklumkan kepada Suruhanjaya setiap kali selesai perkhidmatan atau bila-bila masa diarahkan oleh Suruhanjaya;
- III. Semua kapal/ tongkang/ bot yang digunakan untuk menyediakan perkhidmatan sampingan perlu dilengkapi dengan sistem *Automatic Identification System (AIS)* dan tertakluk untuk mendapatkan Permit Mengangkut Dalam Pelabuhan Pulau Pinang;
- IV. Lesen atau salinan lesen hendaklah sentiasa dipaparkan ketika perkhidmatan dijalankan dan hanya sah di Pelabuhan Pulau Pinang;
- V. Pemegang Lesen hendaklah mempunyai polisi insurans dengan mana-mana syarikat insurans dan memastikan polisi perlindungan insurans tersebut meliputi:
 - a) Insurans liabiliti termasuk kepada kecederaan atau kematian pekerja syarikat atau pihak ketiga dan kenderaan yang terlibat dalam Perkhidmatan yang dilesenkan
 - b) Perlindungan insuran kepada bangunan, dermaga, struktur, peralatan dan mesin yang diberikan kebenaran oleh pihak Suruhanjaya bagi menjalankan perkhidmatan.
- VI. Pemegang lesen adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan semasa berada di Pelabuhan Pulau Pinang-dan perlu memastikan perkhidmatan dijalankan mengikut garis panduan keselamatan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya;
- VII. Pemegang Lesen hendaklah memastikan pada setiap masa mematuhi semua Undang-Undang berkuatkuasa di Malaysia;
- VIII. Suruhanjaya tidak bertanggungjawab ke atas segala apa-apa tindakan saman, tuntutan, kerugian, kos kerosakan, kecederaan dan denda yang mungkin timbul ke atas mana-mana pihak samada secara langsung atau tidak disebabkan oleh perkhidmatan di Pelabuhan Pulau Pinang;

- IX. Pemegang Lesen hendaklah memberikan indemniti dari segala bentuk dari dan terhadap semua tindakan, tuntutan, kos, kerugian, ganti rugi, denda dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh Suruhanjaya, dibayar atau atas apa-apa perkara yang disebabkan oleh perkhidmatan oleh Pemegang Lesen dan/ atau atas sebab sebarang kelalaian atau peninggalan atau tindakan oleh Pemegang Lesen, pekerja, ejen atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pemegang Lesen berkenaan dengan atau akibat dari sebarang kecuaiian, peninggalan atau tindakan oleh Pemegang Lesen, pegawainya, ejen atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pemegang Lesen menyebabkan Pemberi Lesen tidak mematuhi undang-undang, undang-undang kecil, peraturan dan arahan;
- X. Suruhanjaya berhak, pada bila-bila masa menurut budi bicaranya untuk membatalkan atau menggantung lesen selama tempoh dirasakan perlu jika didapati Pemegang Lesen memberikan maklumat palsu atau pelanggaran terma dan syarat yang ditetapkan;
- XI. Terma dan Syarat bagi lesen akan diteliti, dikemaskini dan dimaklumkan kepada Pemegang Lesen dari semasa ke semasa. Suruhanjaya berhak membuat pindaan, penambahan atau membatalkan sebarang terma dan syarat lesen tanpa sebarang notis awal kepada pemegang lesen.

CONTOH



LESEN PERKHIDMATAN SAMPINGAN DI PELABUHAN PULAU PINANG

JENIS PERKHIDMATAN YANG DIBENARKAN: *PEMBEKALAN MINYAK BUNKER KAPAL (SUPPLY OF BUNKER FOR VESSEL)*

Nama Syarikat :

Alamat Berdaftar :

Nombor Lesen :

Tarikh Lesen Dikeluarkan :

Tarikh Tamat Tempoh Lesen :

Telah dilesenkan bagi melakukan perkhidmatan **Pembekalan Minyak Kapal (*Supply of Bunker For Vessel*)** di Pelabuhan Pulau Pinang tertakluk kepada syarat lesen yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

Dr. Vijayaindiaran A/L R.Viswalingam
Pengurus Besar
Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang

PERINGATAN : Pemegang Lesen hendaklah memohon pembaharuan lesen sebelum 30 September pada setiap tahun.

